



KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)

Tingkat 4 - 6, 10, 11, 15 - 18, Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu, Sabah.
Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541
Laman Web: www.sabah.gov.my/mlgh



Rujukan: JEHANS 600-4/1 JLD 2 (19)

Tarikh: 1 Oktober 2025

PRESIDEN

Sabah Law Society
Suite No, 6-6-11, 6th floor,
Menara MAA, 6 Lorong Api-Api,
Api-Api centre,
88800 KOTA KINABALU SABAH.

Tuan,

PELAWAAN PERMOHONAN DAN SESI TEMU DUGA PEGUAM MAHKAMAH RAYUAN ANAK NEGERI SABAH SIRI 2 2025

Dengan segala hormatnya, perkara diatas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan Kaedah 8, Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Pendaftaran Peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri) 1995, pelawaan adalah dibuka kepada peguam-peguam yang layak untuk mengemukakan permohonan pendaftaran sebagai peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri kepada Jawatankuasa Pendaftaran Peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri.

- ... 3. Butiran permohonan berkenaan adalah seperti berikut:
- 3.1 Syarat Permohonan – Sila rujuk Lampiran 1
 - 3.2 Borang dan dokumen sokongan – Sila rujuk Lampiran 2
 - 3.3 Makluman penghantaran permohonan dan sesi temu duga peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri – Sila rujuk Lampiran 3
4. Kerjasama dan perhatian pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian dan terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK DR. JAMILI NAIS)

Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
selaku Pengerusi
Jawatankuasa Pendaftaran Peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri

DDJN/NL/mia

...2/-

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan Kami: JEANS 600 4/1 JLD 2 (19)

Tarikh: : 1 Oktober 2025

**PELAWAAN PERMOHONAN DAN SESI TEMU DUGA PEGUAM MAHKAMAH RAYUAN ANAK
NEGERI SABAH SIRI 2 2025**

s.k. **Peguam Besar Negeri Sabah**

Tingkat 22 & 23, Blok A,
Menara Kinabalu, Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU SABAH.
(u.p.: **Puan Dulce Majawit**)

s.k. **Pengarah**

Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (JHEANS)
Tingkat Bawah, Blok A,
Wisma Tun Fuad Stephens,
88999 KOTA KINABALU SABAH.

JAWATANKUASA PENDAFTARAN PEGUAM MAHKAMAH ANAK NEGERI

SYARAT PERMOHONAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

1. Peguam-peguam yang berminat hendaklah memenuhi kelayakan berikut.
 - a) Mempunyai sijil sah untuk mengamal sebagai peguambela di Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak;
 - b) Seorang warganegara Malaysia yang berasal dan bermastautin di Sabah;
 - c) Telah mencapai umur 21 tahun;
 - d) Seorang berkelakuan baik;
 - e) Fasih dalam Bahasa Malaysia;
 - f) Tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di tempat lain atas suatu kesalahan jenayah yang melibatkan fraud, kejujuran (dishonesty) atau keburukan akhlak; dan
 - g) Tidak pernah dihukum menjadi bankrap atau tidak ada prosiding kebangkrapan terhadapnya.

Rujukan: Kaedah 7, Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Pendaftaran Peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri) 1995.

2. Permohonan untuk pendaftaran sebagai peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri hendaklah dibuat dengan:-
 - a) Mengemukakan permohonan dalam borang 1 disertakan di dalam Lampiran 2;
 - b) Mengemukakan salinan sijil guaman semasa yang diperakui benar untuk mengamal sebagai peguambela di Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak; dan
 - c) Memberi apa-apa maklumat tambahan sebagaimana yang dikehendaki oleh Jawatankuasa (jika ada).

Rujukan: Kaedah 8, Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Pendaftaran Peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri) 1995.

3. Temu duga akan merangkumi Undang-Undang berikut:
 - a) Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1995 dan kaedah-kaedah dibawahnya;
 - b) Sabah Land Ordinance Cap.68;
 - c) Administration of Native and Small Estates Ordinance (Cap 1);
 - d) Adoption 1960 (Native Court Adoption Regulations 1961);
 - e) Interpretation (Definition of Native) Ordinance (Cap.64);
 - f) Interstate Succession Ordinance;
 - g) Probate and Administration Ordinance (Cap 109);
 - h) Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Enactment 1998;
 - i) Rural Administration Ordinance; dan
 - j) Undang-Undang Adat yang diamalkan di Sabah.

SENARAI SEMAK DOKUMEN

PERMOHONAN PENDAFTARAN PEGUAM MAHKAMAH RAYUAN ANAK NEGERI

Sila tandakan bagi dokumen yang disertakan:

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk ditanda oleh pemohon	Untuk ditanda oleh Urusetia Jawatankuasa Pendaftaran PMRAN
1.	Sijil yang sah untuk mengamal sebagai peguambela di Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak		
2.	Jadual Borang 1 (Kaedah 8 (1) (a)) yang lengkap diisi		
3.	Satu salinan kad pengenalan (depan dan belakang) yang diperakui benar		
4.	Dua sijil kelakuan baik yang disahkan oleh golongan profesional yang mempunyai pengalaman lebih daripada lima (5) tahun.		
5.	Surat Akuan Berkanun		
6.	Memberi apa-apa maklumat tambahan sebagaimana yang dikehendaki oleh JawatanKuasa (jika ada)		

**JADUAL
BORANG 1
(Kaedah 8(1) (a))**

**PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI
PEGUAM MAHKAMAH RAYUAN ANAK NEGERI**

Kepada:

Pengerusi

Jawatankuasa Pendaftaran Peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri,
KOTA KINABALU.

Saya dengan ingin memohon untuk pendaftaran sebagai peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri mengikut Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Pendaftaran Peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri) 1995 dan mengemukakan yang berikut:

1. (a) Dua keping gambar terkini berukuran pasport;
(b) Satu salinan kad pengenalan (depan dan belakang) dan kad perubahan alamat (jika ada);
(c) Wang pos/cek berpalang sebanyak RM120.00 untuk satu tahun; dan
(d) Dua sijil kelakuan baik.
2. Maklumat pemohon (diisi oleh pemohon):
 - (a) Nama (huruf besar):
 - (b) No. Kad Pengenalan:
 - (c) Tarikh Lahir:
 - (d) Tempat Lahir:
 - (e) Nama dan alamat Majikan/Firma:
Telefon:
 - (f) Alamat tempat tinggal:
Telefon:
 - (g) Kelayakan Akademik:
 - (h) Pengalaman Berkaitan:

AKUAN BERKANUN PEMOHON

Saya,.....dengan ini bersumpah dan mengakui
bahawa:

- (1) Maklumat dan butiran dalam permohonan saya adalah benar;
- (2) Saya telah membaca dan memahami peruntukan dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Pendaftaran Peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri) 1995;
- (3) Saya tidak pernah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrapan serta tidak pernah disabitkan kesalahan jenayah dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu atau masih menjalani hukuman atau percubaan;
- (4) Saya membuat perakuan ini dengan penuh kejujuran dan kepercayaan serta berdasarkan Akta Akuan Berkanun 1960.

Dibuat dan dengan sebenar-benarnya
diakui oleh yang tersebut namanya
di atas iaitu

di
pada haribulan 20

.....
Tandatangan Pemohon

Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah

MAKLUMAN PENGHANTARAN PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dihantar sebelum atau selewat-lewatnya pada **24 Oktober 2025** di alamat seperti berikut:

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (JHEANS)
Tingkat Bawah, Blok A,
Wisma Tun Fuad Stephens,
88999 KOTA KINABALU, SABAH.

MAKLUMAN SESI TEMUDUGA PEGUAM MAHKAMAH RAYUAN ANAK NEGERI

Satu sesi temu duga peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri akan disediakan pada ketetapan berikut:-

Tarikh : 11 November 2025 (Hari Selasa)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 6 Wisma Innoprise Kota Kinabalu